



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAKTI

GARIS PANDUAN

GERAN PENYELIDIKAN

SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI

(SEBELUM INI DIKENALI SEBAGAI FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN)

TARIKH KEMASKINI 25 OKTOBER 2021

**PEJABAT TIMBALAN DEKAN (PENYELIDIKAN, PENDANAAN, JARINGAN KORPORAT DAN KOMUNITI)
SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

1.0 GERAN PENYELIDIKAN SEKOLAH PERNIAGAAN DAN EKONOMI

Garis panduan ini bertujuan menerangkan tatacara permohonan serta syarat pembiayaan dana penyelidikan peruntukan Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (GPSPE).

Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (GPSPE) merupakan Geran Bantuan Khas Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) diberikan kepada pegawai akademik (pensyarah/pegawai penyelidik) yang layak sebagai suatu inisiatif menggalakkan penyelidikan bagi tujuan mencapai Indeks Pencapaian Utama (KPI) yang ditetapkan oleh pihak Universiti. Secara khususnya tujuan utama GPSPE adalah untuk:

- i. meningkatkan bilangan penyelidik utama (PI) di SPE;
- ii. menggalakkan aktiviti penyelidikan berimpak di kalangan pegawai akademik SPE;
- iii. menggalakkan penerbitan berimpak dalam jurnal berwasit mengikut kriteria yang ditetapkan oleh Universiti;
- iv. menggalakkan penerbitan dalam bentuk bab atau buku mengikut glosari MyRA dan melalui penerbit yang diiktiraf oleh Universiti;
- v. menghasilkan polisi, paten, produk atau teknologi yang boleh memberi impak kepada perkembangan sosio-ekonomi negara.

2.0 KLUSTER PENYELIDIKAN

Skop penyelidikan adalah merangkumi penyelidikan fundamental atau gunaan mengikut kluster yang telah ditetapkan oleh Universiti seperti berikut:

- i. Pertanian dan Makanan (Agriculture and Food)
- ii. Sains Gunaan dan Kejuruteraan (Applied Sciences and Engineering)
- iii. Biosistem dan Bioteknologi (Biosystems and Biotechnology)
- iv. Perniagaan, Ekonomi dan Governans (Business, Economics and Governance)
- v. Alam Sekitar dan Tenaga (Environment and Energy)
- vi. Perhutanan dan Biodiversiti (Forestry and Biodiversity)
- vii. Kemanusiaan dan Pembangunan Nusa Bangsa (Humanities and Nation Building)
- viii. Sains dan Pengurusan Halal (Halal Science and Management)
- ix. Kesihatan dan Kesejahteraan Hidup (Health and Well-being)
- x. Sains Matematik, Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Mathematical Sciences, Information and Communication Technology)
- xi. Sains dan Teknologi Bahan (Materials Science and Technology)

3.0 BIDANG PENYELIDIKAN

Bidang penyelidikan boleh terdiri salah satu daripada berikut;

- i. Pentadbiran Perniagaan;
- ii. Keusahawanan, Hospitaliti & Pelancongan;
- iii. Ekonomi dan Ekonomi Perniagaan;
- iv. Perakaunan dan Kewangan.
- v. Polisi dan Undang-Undang

4.0 SYARAT AM PERMOHONAN

- i. Ketua Penyelidik mestilah pegawai akademik (pensyarah/pegawai penyelidik) Sekolah Perniagaan dan Ekonomi UPM yang berjawatan tetap atau kontrak. Tutor tidak layak memohon sehingga dilantik ke jawatan sebagai pensyarah;
- ii. Pegawai akademik yang bercuti belajar dan cuti sabbatical (luar dan dalam negara yang melebihi tempoh 6 bulan) tidak dibenarkan membuat permohonan, tetapi boleh menjadi ahli dalam kumpulan penyelidikan tersebut;
- iii. Pegawai akademik bukan warganegara, dimestikan mempunyai penyelidik bersama dikalangan pegawai akademik warganegara Malaysia dan berjawatan tetap;
- iv. Pemohon yang tempoh perkhidmatan kurang daripada satu (1) tahun dimestikan mempunyai penyelidik bersama di kalangan pegawai akademik warganegara Malaysia dan berjawatan tetap;
- v. Pemohon digalakkan untuk menambah penyelidik daripada peringkat antarabangsa sebagai penyelidik bersama (sebarang perbelanjaan untuk penyelidik bersama adalah tidak dibenarkan); **BAHARU**
- vi. Pemohon hanya dibenarkan mengetuai satu (1) projek sahaja dan hanya satu (1) permohonan projek akan diperakukan untuk geran ini;
- vii. Projek mesti menyokong Visi, Misi dan Pelan Strategik Universiti serta memberi impak kepada sosio-ekonomi negara;
- viii. Setiap projek yang diluluskan hendaklah menghasilkan sekurang-kurangnya satu (1) penerbitan dalam jurnal berindeks yang diiktiraf Universiti; dan
- ix. Tempoh maksima penyelidikan di bawah geran ini adalah selama satu (1) tahun sahaja.

5.0 SILING PERUNTUKAN

Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi adalah satu inisiatif pembiayaan aktiviti penyelidikan pegawai akademik Sekolah Perniagaan dan Ekonomi yang memberi fokus dalam bidang Pentadbiran Perniagaan, Keusahawanan, Hospitaliti & Pelancongan, Ekonomi dan Ekonomi Perniagaan, Perakaunan dan Kewangan dan Polisi dan Undang-Undang. Jumlah peruntukan yang dipohon mestilah tidak melebihi RM20,000.00 dan minima RM5,000.00. Penetapan siling peruntukan ini mestilah dipatuhi melainkan terdapat apa-apa pengecualian dengan kebenaran daripada Dekan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi. **BAHARU**

6.0 SKOP PEMBIAYAAN

i. Vote 21000 (Perjalanan dan Pengangkutan)

- a) Termasuk perjalanan dan pengangkutan bagi membentangkan kertas seminar/konferens di dalam negara.
- b) Siling perbelanjaan tidak melebihi 10% (perjalanan untuk membentangkan kertas seminar/konferens di dalam negara sahaja). **BAHARU**
- c) Perjalanan untuk membentangkan kertas seminar/ konferensi dalam negara hanya dibenarkan kepada projek yang tempoh pelaksanaan telah mencapai 6 bulan dan sekali sahaja sepanjang tempoh projek.

ii. Vote 26000 (Bekalan bahan penyelidikan)

- a) Hanya perbelanjaan yang berkaitan secara langsung dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.
- b) Inventori: Pembelian peralatan bernilai kurang RM3,000 dan jangka hayat melebihi 1 tahun yang boleh berfungsi sendiri tanpa perlu sokongan alatan lain (termasuk perisian) seperti printer dan toner adalah dibenarkan. **BAHARU**
- c) Alat ganti: Alat yang tidak boleh berfungsi tanpa peralatan sokongan lain contohnya *monitor* komputer, *keyboard*, kabel pencetak, tetikus, dan *external hardisk* dan lain-lain adalah dibenarkan. **BAHARU**

iii. Vote 29000 (Perkhidmatan)

- a) Perkhidmatan ikhtisas termasuk percetakan, insurans, hospitaliti, honorarium, perkhidmatan professional, konsultasi, penggunaan komputer, analisis sampel, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projekpenyelidikan.
- b) Bayaran perkhidmatan enumerator adalah mengikut Garis Panduan Pengambilan Enumerator, UPM yang sedang berkuatkuasa dan boleh dimuat turun dari laman web Pejabat TNCPi <https://tncpi.upm.edu.my/faildokumen> (rujuk dokumen No. 11). **BAHARU**
- c) Pembiayaan yuran penerbitan bagi jurnal yang berindeks SCOPUS dan ERA adalah dibenarkan dengan bayaran maksima adalah RM2000 dengan syarat (i) Tajuk dan isi kandung artikel berkaitan dengan projek, (ii) Penghargaan (acknowledgement) Nama Geran dan No. Vote dimasukkan ke dalam artikel. **BAHARU**

* Bayaran yuran penerbitan bagi artikel yang berstatus 'Accepted' sahaja dibenarkan. **BAHARU**

* Bayaran khidmat suntingan adalah dibenarkan dengan bayaran maksima RM2000 dengan syarat tajuk dan isi kandung artikel berkaitan dengan projek. **BAHARU**

* Geran penyelidikan ini tidak boleh digunakan untuk mencukupkan kos yuran penerbitan sekiranya melebihi had siling Dana Penerbitan Jurnal. **BAHARU**

d) Bayaran "submission fees" adalah dibenarkan dengan kadar maksima RM1000 sahaja. **BAHARU**

iv. **Vote 35000 (Aksesori dan Peralatan kecil)**

a) Aset: Pembelian laptop adalah dibenarkan dengan syarat aset yang sedia ada telah berumur 4 tahun atau lebih (perlu masukkan ke dalam proposal dengan justifikasi pembelian laptop). Jumlah yang dipohon mestilah tidak melebihi 40% daripada jumlah keseluruhan geran. **BAHARU**

7.0 **TATACARA PERMOHONAN GERAN**

- i. Permohonan dibuka sepanjang tahun tertakluk kepada kedudukan kewangan dan peruntukan sedia ada.
- ii. Penyelidik hanya boleh mengemukakan satu (1) permohonan sahaja pada sesuatu masa.
- iii. Pemohon perlu mengisi Borang Permohonan Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi yang boleh dimuat turun dari laman web Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (https://econ.upm.edu.my/penyelidikan/geran_penyelidikan_spe_gpspe-12913). **BAHARU**
- iv. Dua (2) salinan dokumen permohonan bagi setiap permohonan perlu dihantar ke Pejabat Timbalan Dekan Penyelidikan, Pendanaan, Jaringan Korporat dan Komuniti, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi.
- v. Pemohon (ketua projek) dan ahli-ahli projek hendaklah mengemukakan C.V. mengikut format yang ditetapkan oleh pihak Universiti. Maklumat mengenai penyelidikan dan hasil penerbitan hendaklah dinyatakan bagi tempoh tiga (3) tahun ke belakang sahaja.

8.0 **PENILAIAN PERMOHONAN**

8.1 **Kriteria penilaian**

- i. Keutamaan diberikan kepada projek berimpak yang menyokong Visi, Misi dan Pelan Strategik Universiti.
- ii. Keutamaan juga diberi kepada;
 - a) Cadangan penyelidikan yang kompetitif; atau
 - b) Projek penyelidikan / prototaip yang merupakan niche UPM serta projek-projek strategik negara (national interest) yang mampu membangun sesuatu industri bagi kepentingan negara; atau
 - c) Penyelidikan / prototaip yang merangkumi isu-isu dan memberi impak kemanusiaan dan kemasyarakatan / sains sosial bagi tujuan peningkatan nilai kehidupan sejagat; atau
 - d) Penyelidikan yang akan dapat menambahbaik sesuatu polisi dan metodologi penyelesaian yang sedia ada.

- iii. Pensyarah yang tiada geran aktif adalah diberi keutamaan. **BAHARU**
- iv. Bagi pensyarah yang di sekat permohonan bagi geran putra adalah dibenarkan untuk memohon. **BAHARU**
- v. Mempunyai sekurangnya-kurangnya dua (2) penerbitan sama ada Jurnal Berindeks (CIJ) atau Jurnal Tidak Berindeks (Non CIJ) atau Buku atau Bab Dalam Buku dalam tempoh tiga (3) tahun terkini.

8.2 Proses penilaian

- i. Permohonan Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Permohonan Geran Penyelidikan SPE yang akan ditetapkan oleh Timbalan Dekan Penyelidikan, Pendanaan, Jaringan Korporat dan Komuniti, SekolahPerniagaan dan Ekonomi.
- ii. Tatacara proses pelaksanaan penilaian adalah seperti di **Lampiran 1**.

9.0 HASIL PENYELIDIKAN

i. Penerbitan

- a) Semua penyelidik diwajibkan untuk menerbitkan hasil penyelidikan satu (1) penerbitan jurnal berindeks yang diiktiraf oleh Universiti. Penyelidik digalakkan untuk menerbitkan artikel dalam jurnal berimpak tinggi. **BAHARU**
- b) Semua hasil penerbitan mestilah meletakkan penghargaan kepada Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi berserta nombor pusat kos projek berkenaan. **BAHARU**

ii. Harta intelek

- a) Hak pemilikan Harta Intelek adalah Hakmilik UPM. Penyelidik digalakkan untuk memohon pendaftaran Harta Intelek sama ada di peringkat tempatan atau antarabangsa. Sila rujuk Garis Panduan Harta Intelek UPM.


iii. Hasil pengkomersilan

- a) Hasil pengkomersilan akan diagihkan mengikut polisi pengkomersilan semasa di UPM. Sila rujuk Garis Panduan Harta Intelek UPM.

10.0 TADBIR URUS PROJEK PENYELIDIKAN

- i. Pengagihan Peruntukan
 - a) Permohonan pelanjutan geran adalah dibenarkan dan tempoh maksima yang dibenarkan ialah selama tiga (3) bulan sahaja dan tertakluk kepada pengesahan daripada Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pendanaan, Jaringan Korporat dan Komuniti) dan diluluskan oleh Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi. **BAHARU**
 - b) Selepas tamat tempoh tiga (3) bulan, pelanjutan kali kedua selama tiga (3) bulan perlu mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Pengurusan, Sekolah Perniagaan dan Ekonomi. **BAHARU**
 - c) Sebarang perolehan atau permohonan pembelian baharu tidak dibenarkan selepas tarikh tamat projek. Hanya tuntutan bayaran sahaja dibenarkan dalam tempoh tiga (3) bulan selepas tarikh tamat projek. Laporan Akhir berserta Laporan Output wajib dihantar ke Pejabat Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pendanaan, Jaringan Korporat dan Komuniti) sebelum dihantar ke Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) selewat-lewatnya tiga (3) bulan dari tarikh tamat projek.
- ii. Implementasi & Pemantauan Projek
 - a) Projek yang diluluskan hendaklah dilaksana mengikut kelulusan yang telah diberikan berpandukan tadbir urus sepertimana yang telah ditetapkan dalam Prosedur Pengurusan dan Pelaksanaan Penyelidikan yang boleh dimuat turun daripada laman web Sistem Pengurusan Kualiti UPM <http://reg.upm.edu.my/eISO/>.
- iii. Peraturan dan ketetapan tadbir urus Geran Putra yang berkuatkuasa atau Prosedur Pengurusan dan Pelaksanaan Penyelidikan UPM akan terpakai sekiranya ia tidak dinyatakan dengan jelas dalam panduan ini.

Lampiran 1: Tatacara Pelaksanaan Permohonan Geran Penyelidikan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (GPSPE)



1.0 Terima permohonan daripada pemsyarah.

2.0 Semak permohonan
2.1 Lengkap.
2.2 Tidak Lengkap.

2.1.1 Kenal pasti dan lantik panel penilai dalam tempoh 1 minggu.
2.1.2 Laksanakan proses penilaian dalam tempoh 1 minggu.

2.2.1 Permohonan tidak lengkap perlu ulang semula proses 1.0.

2.3 Maklumkan hasil proses penilaian.

2.3.1 Sekiranya perlu pindaan, maklumkan kepada pemohon untuk membuat pindaan dalam tempoh 1 minggu.

2.3.2 Panel penilai membuat penilaian semula dalam tempoh 1 minggu.

2.3.3 Sekiranya tiada pindaan, maklumkan keputusan permohonan.

2.3.4 Dapatkan pengesahan Timbalan Dekan dandkelulusan Dekan.

2.4 Maklumkan keputusan permohonan.

2.4.1 Sekiranya lulus

a) Keluarkan surat makluman kepada pemohon.

b) Pemohon lengkapkan Surat Persetujuan Penerimaan dan Surat Permohonan Pembukaan Akaun Amanah.

c) Dapatkan pengesahan Timbalan Dekan, Dekan dan Pengarah RMC.

d) Dapatkan kelulusan Jawatankuasa Akaun Amanah untuk wujudkan no. vote akaun projek penyelidikan.

e) Pejabat Bendahari membuat pindahan bajet dari akaun amanah geran penyelidikan SPE ke akaun projek penyelidikan.

f) Keluarkan surat tawaran geran kepada pemohon.

2.4.2 Sekiranya gagal maklumkan kepada pemohon.